



## KENYATAAN AKHBAR

MEXCLUB 26 JANUARI 2023

---

### KKDW PACU TRANSFORMASI TVET

PUTRAJAYA, 26 Januari - Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) komited menyediakan ekosistem Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang kukuh sebagai teras utama kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Melalui ekosistem TVET yang kukuh, KKDW akan dapat meningkatkan lagi keberhasilan pendidikan kemahiran sebagai pamacu perubahan untuk melonjakkan modal insan berkemahiran tinggi dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat.

Pemerkasaan TVET ini antara agenda yang dibincangkan dalam mesyuarat MEXCLUB kali ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan TVET sebagai pilihan utama pendidikan dan kerjaya belia luar bandar selain menyentuh program-program berimpak tinggi TVET@KKDW.

Selain itu, mesyuarat kali ke 55 ini juga menyentuh hala tuju pelaksanaan projek dan program pembangunan Kementerian yang berupaya meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar bagi mengatasi isu kesenjangan pendapatan juga peningkatan kos sara hidup.

MEXCLUB juga menjadi platform perbincangan secara membina di antara Kementerian dan Kerajaan Negeri bagi mengukuhkan kerjasama dan persefahaman dalam melaksanakan agenda luar bandar berpandukan visi Malaysia Madani.

Selaras konsep baru DESA, masyarakat desa akan diperkasa untuk mengambil peranan aktif dalam membentuk dan membangunkan masa depan mereka sendiri bagi membolehkan kawasan desa Malaysia memiliki akses kepada pendidikan berkualiti, penjagaan kesihatan, peluang ekonomi dan infrastruktur terbaik bersandarkan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*).

Bagi mencapai wawasan ini, KKDW akan merencana dan melaksanakan program dan projek kemajuan desa yang progresif melibatkan seluruh komuniti desa dalam penggubalan dan pelaksanaan polisi, termasuk memastikan tadbir urus terbaik dalam pentadbiran Kementerian dan setiap agensi di bawahnya.

Program pembangunan desa ini juga tidak hanya berpaksikan kepada pembangunan fizikal, namun turut diimbangi dengan pembangunan modal insan yang meliputi nilai, etika dan adab.

MEXCLUB kali ini dihadiri Exco Luar Bandar Terengganu, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Selangor, Pahang, Kedah, Melaka, Perak, Johor dan Perlis.

Manakala Exco Luar Bandar Sarawak diwakili Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak. Exco Luar Bandar Kelantan diwakili oleh Pengarah Pembangunan Negeri Kelantan. Manakala Exco Luar Bandar Sabah diwakili oleh Pembantu Menteri II, Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah.

---

## TAMAT

---

### INFO

#### MEX CLUB

MEXCLUB ditubuhkan pada 23 Ogos 1994, ketika itu dikenali sebagai Mesyuarat Penyelarasian Pembangunan Luar Bandar Antara Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Kemudiannya ditukar nama kepada Mesyuarat Penyelarasian Antara Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dengan Exco-Exco Luar Bandar (MEXCLUB) pada 10 Mei 1999. Sehingga kini, MEXCLUB telah dilaksanakan sebanyak 55 kali.

Keahlian MEXCLUB melibatkan Exco-Exco Luar Bandar, wakil daripada Kementerian Kewangan (MOF), Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan Unit Penyelarasian Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri serta jabatan/agensi di bawah KKDW.

#### TVET

280 institusi TVET@KKDW di seluruh negara dengan menawarkan 529 program dan 59,126 pelatih sedang mengikuti pengajian.

Disediakan Oleh  
Unit Komunikasi Korporat  
26 Januari 2023